

DERAF



POLISI PELABURAN NEGERI KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1. Polisi Pelaburan Negeri Kelantan merupakan sebuah dokumen rujukan bagi memberi gambaran berhubung ekosistem pelaburan di Negeri Kelantan. Asas utama kepada Polisi Pelaburan ini ialah Pelan Strategik “Kelantan Melangkah Ke hadapan 2016-2025” yang telah digunapakai oleh Kerajaan Negeri Kelantan di dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan juga pembangunan di Negeri Kelantan.
2. Polisi Pelaburan Negeri Kelantan ini digubal dengan menggunakan elemen-elemen di dalam Amalan Baik Peraturan – Good Regulatory Practice (GRP) sebagaimana berikut :
 - i) Menyatakan dengan jelas objektif Polisi ini.
 - ii) Berpandukan asas perundangan yang sedia wujud.
 - iii) Menerapkan elemen ketelusan, ringkas dan memudahkan para Pelabur.
 - v) Konsisten di dalam memelihara hak-hak pihak berkepentingan dan juga peruntukan undang-undang.
 - vi) Bersesuaian dengan praktik dan amalan perdagangan antarabangsa.
3. Bagi maksud pelaksanaan dan penggunaan polisi ini, terdapat dua entiti utama yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan proses pelaburan di Negeri Kelantan sebagaimana berikut :
 - i) **Invest Kelantan Berhad (IKB)** – Sebuah entiti khusus yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi memainkan peranan sebagai Pusat Sehenti berkaitan urusan promosi pelaburan, pemudahcara / proses pelaburan dan penjagaan serta khidmat kepada para pelabur di Negeri Kelantan. Invest Kelantan Berhad (IKB) dipengerusikan oleh YAB. Menteri Besar Kelantan dan merupakan pintu masuk / gerbang utama pelaburan di negeri ini.
 - ii) **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** – Merupakan sebuah unit di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Unit ini berperanan sebagai tulang belakang kepada Pihak Berkuasa Negeri di dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar utama yang akan meningkatkan pembangunan sosio ekonomi di Negeri Kelantan. UPEN juga berperanan memastikan apa jua proses pelaburan yang dilaksanakan adalah selari dengan aspirasi Kerajaan sebagaimana dizahirkan di dalam perancangan jangka pendek dan jangka panjang di peringkat negeri.

BAB 2

OBJEKTIF POLISI

4. Objektif Polisi ini ialah untuk :

- i) Memastikan kepentingan Kerajaan Negeri Kelantan serta entiti dibawahnya termasuk agensi/jabatan dan Rakyat Negeri Kelantan dipelihara .
- ii) Menjaga kepentingan Pelabur dan Pelaburan yang dilaksanakan.
- iii) Mempromosikan mekanisme pelaburan yang bertanggungjawab dan telus di Negeri Kelantan.
- iv) Memastikan setiap pelaburan yang diterima masuk akan memberi pulangan positif kepada Negeri dan sosio ekonomi setempat.
- v) Membangunkan Negeri Kelantan di dalam bidang perindustrian dan sektor-sektor lain yang menjadi keutamaan Negeri.
- vi) Mewujudkan suasana mesra pelabur dan mesra pembangunan ekonomi setempat.
- vii) Menjadikan Kelantan sebagai di antara destinasi utama pelaburan di Malaysia.
- viii) Menyatakan dengan jelas aktiviti pelaburan yang dilarang / tidak diterima untuk dilaksanakan di Negeri Kelantan sebagaimana berikut :
 - a) Apa jua aktiviti melibatkan transaksi yang bercanggah dengan Syariat Islam seperti berasaskan riba, spekulasi serta mempunyai unsur-unsur perjudian.
 - b) Pemprosesan dan pengeluaran produk / makanan / barangan tidak halal.
 - c) Aktiviti / pelaburan di dalam sektor perkhidmatan yang bercanggah dengan Syariah Islam.
 - d) Semua aktiviti ekonomi / pelaburan yang mendatangkan risiko kepada negeri dan negara serta bercanggah dengan undang-undang di Malaysia.

BAB 3

PENGGUNAAN POLISI

5. Polisi ini adalah terpakai kepada semua pelaburan yang dilaksanakan di Negeri Kelantan. Walaubagaimanapun, Polisi ini tidak terpakai kepada kes-kes tertentu sedia ada sama ada sedang atau telah berlaku sebelum daripada tarikh berkuatkuasanya Polisi ini.
6. Berikut merupakan kriteria bagi projek-projek yang termasuk di bawah polisi ini:
 - a. Semua projek yang dijalankan di atas tanah kerajaan.
 - b. Semua projek yang ditafsirkan sebagai Projek Berskala Besar oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan, merangkumi;
 - i. Projek yang melibatkan nilai pelaburan melebihi RM 10 juta
 - ii. Projek usahasama melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
 - iii. Projek usahasama melibatkan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Negeri.

BAB 4

PROSES & KUASA MELULUS PROJEK

7. Pra – rundingan bagi projek boleh dirujuk kepada Invest Kelantan selaku barisan hadapan kepada Urusetia Pelaburan Negeri UPEN. Invest Kelantan Berhad akan membantu para pelabur untuk mendapat gambaran awal dan proses seterusnya bagi melaksanakan pelaburan di Negeri Kelantan.
8. Proses permohonan Pelaburan di Negeri Kelantan secara rasminya akan diterima oleh Urusetia Pelaburan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan.
9. Permohonan akan dinilai dan pandangan daripada Jabatan / Agensi Teknikal akan diminta untuk memastikan pelaksanaan projek ini adalah bersesuaian dan tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

10. Permohonan seterusnya akan diangkat kepada Jawatankuasa Sehati Pelaburan Negeri untuk diperakukan. Jawatankuasa Sehati Negeri merupakan platform yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menilai kebolehlaksanaan sesebuah projek.

11. Keahlian Jawatankuasa Sehati Pelaburan Negeri adalah seperti berikut :

**11.1 JAWATANKUASA SEHATI PELABURAN NEGERI KELANTAN
BAGI PROJEK MELEBIHI RM100 JUTA**

- i. Menteri Besar Kelantan - Pengerusi
- ii. Pengerusi Jawatankuasa - Timbalan
Pengerusi Perindustrian, Perdagangan,
Pelaburan Dan Pembangunan Usahawan
- iii. Timbalan S.U.K (Pembangunan)/ - Setiausaha
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri
- iv. Ahli-ahli:-
 - a. Setiausaha Kerajaan Negeri
 - b. Penasihat Undang-Undang Negeri
 - c. Pegawai Kewangan Negeri
 - d. Ahli Parlimen Tumpat
 - e. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi Dan Teknologi Maklumat
 - f. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan Dan Hubungan Seranta
 - g. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan Dan Pelancongan
 - h. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita
 - i. YB. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar
 - j. Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur Dan Utiliti

- k. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Kesihatan
- l. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Dan NGO
- m. Pengarah Tanah Dan Galian Negeri
- n. Pengarah Perhutanan Negeri
- o. Pengarah Pertanian Negeri
- p. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri
- q. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
- r. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri
- s. Pengarah PLANMalaysia Negeri Kelantan
- t. Ketua Pegawai Eksekutif PKINK
- u. Ketua Pegawai Eksekutif PMBK
- v. Pengarah MITI Negeri
- w. Pengarah MIDA Negeri
- x. Yang Dipertua MPKB/YDP Majlis Daerah (Berkenaan Sahaja)
- y. Ketua Jajahan (Berkenaan Sahaja)
- z. KPSU (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- aa. KPSU (Bahagian Perumahan)
- bb. YBrs. Tuan Haji Mohd. Apandi Bin Mohamad

11.2 JAWATANKUASA SEHENTI PELABURAN NEGERI KELANTAN
BAGI PROJEK RM10 - RM100 JUTA

- i. Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan Dan Pembangunan Usahawan - Pengerusi
- ii. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan Dan Pembangunan Usahawan - Timbalan Pengerusi
- lii. Timbalan S.U.K (Pembangunan)/ Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri - Setiausaha
- iii. Ahli-Ahli:
 - a. Setiausaha Kerajaan Negeri
 - b. Penasihat Undang-Undang Negeri
 - c. Pegawai Kewangan Negeri
 - d. Ahli Parlimen Tumpat
 - e. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi Dan Teknologi Maklumat
 - f. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan Dan Hubungan Seranta
 - g. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan Dan Pelancongan
 - h. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita
 - i. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar
 - j. Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur Dan Utiliti
 - k. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Kesihatan
 - l. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Dan NGO
 - m. Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

- n. Pengarah Perhutanan Negeri
- o. Pengarah Pertanian Negeri
- p. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri
- q. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
- r. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri
- s. Pengarah PLANMalaysia Negeri Kelantan
- t. Ketua Pegawai Eksekutif PKINK
- u. Ketua Pegawai Eksekutif PMBK
- v. Pengarah MITI Negeri
- w. Pengarah MIDA Negeri
- x. Yang Dipertua MPKB/YDP Majlis Daerah (Berkenaan Sahaja)
- y. Ketua Jajahan (Berkenaan Sahaja)
- z. KPSU (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- aa. KPSU (Bahagian Perumahan)
- bb. YBrs. Tuan Haji Mohd. Apandi Bin Mohamad

11.3 JAWATANKUASA SEHENTI PELABURAN NEGERI KELANTAN
BAGI PROJEK BAWAH RM10 JUTA

- a. Timbalan S.U.K (Pembangunan)/
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri - Pengerusi
- b. Pengarah Tanah Dan Galian Negeri
- c. Pengarah Perhutanan Negeri
- d. Pengarah Pertanian Negeri
- e. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri
- f. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
- g. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri

- h. Pengarah PLANMalaysia Negeri Kelantan
- i. Ketua Pegawai Eksekutif PKINK
- j. Ketua Pegawai Eksekutif PMBK
- k. Pengarah MITI Negeri
- l. Pengarah MIDA Negeri
- m. Yang Dipertua MPKB/YDP Majlis Daerah (Berkenaan Sahaja)
- n. Ketua Jajahan (Berkenaan Sahaja)
- o. KPSU (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- p. KPSU (Bahagian Perumahan)

- 12 Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat setiap bulan atau bergantung kepada permohonan yang diterima bagi meneliti setiap projek yang dipohon di Negeri Kelantan.
- 13 Setelah mendapat perakuan daripada Jawatankuasa, permohonan projek akan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk dipertimbangkan bagi mendapat kelulusan.
- 14 Setelah kelulusan MMK, bagi projek yang melibatkan perjanjian antara Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan deraf perjanjian perlu diangkat ke UPEN dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan projek untuk mendapat kelulusan MMK sebelum projek dilaksanakan.
- 15 Senarai Alir Proses Permohonan Projek adalah sebagaimana **Lampiran 1**.

BAB 5

OBLIGASI KERAJAAN NEGERI

- 16 Kerajaan Negeri akan memastikan semua Pelabur mendapat layanan yang adil dan saksama. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri akan :
- i) Bekerjasama dengan pelabur untuk mendapatkan maklumat berkaitan apa jua keputusan Kerajaan Negeri berkaitan pelaburan yang akan dan telah dibuat. Walaubagaimanapun, kelulusan yang diberikan tidak boleh diguna pakai untuk mengatasi hak Pihak Berkuasa Tempatan / Agensi yang diberi kelulusan untuk meluluskan perkara – perkara tertentu
 - ii) Menerima dan mempertimbangkan permohonan Pelabur untuk merayu termasuk rayuan ke atas kelulusan, kebenaran atau perubahan melibatkan pelaburan yang diperlukan oleh pihak Pelabur atas alasan yang munasabah.
 - iii) Pemilikan Tanah –
 - a) Memberikan kelulusan tanah tertakluk kepada
 - i) Kanun Tanah Negara 1965
 - ii) Kaedah Tanah Negeri Kelantan 1966
 - iii) Enakmen Tanah Kelantan 1938
 - iv) Enakmen Rizab Tanah Melayu Kelantan 1930
 - v) Akta Pengambilan Tanah 1960
 - vi) Akta Perhutanan Negara 1984
 - vii) Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri
 - viii) Pekeliling / Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

- ix) Mempertimbangkan kelulusan dan bayaran/fee pemilikan tanah yang bersesuaian dengan perancangan pelaburan yang dikemukakan oleh Pelabur
 - x) Perundangan – Membantu para pelabur untuk memastikan semua keperluan perundangan telah dipatuhi.
- iv) Memberi perhatian kepada kepentingan pelaburan oleh pelabur dilindungi dengan sewajarnya dengan mengambilkira peruntukan undang-undang yang ada.
 - v) Memastikan pelabur jelas bahawa apa jua perkara yang tidak disenaraikan secara khusus oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan akan menggunakan peraturan di peringkat Persekutuan dan juga Antarabangsa (setakat mana ianya telah diterima pakai oleh pihak Kerajaan).

BAB 6

OBLIGASI PELABUR

17. Pelabur hendaklah memastikan :

- i) Mematuhi semua perundangan yang dikuatkuasakan di Malaysia dan juga Kelantan termasuk pematuhan kepada Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Memastikan Pelaburan dilakukan melalui Entiti yang sah berdaftar dengan Agensi Berkeajaan / Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mana-mana agensi yang disyaratkan di bawah Undang-Undang Malaysia.
- iii) Memastikan Pelaksanaan Projek Pelaburan adalah mematuhi Pekeliling / Arahan / Garis Panduan yang akan diperincikan oleh Jabatan Teknikal yang berkaitan.
- iv) Memastikan urustadbir Syarikat berada di dalam keadaan baik dan sempurna.
- v) Memberi keutamaan kepada warga kerja tempatan dan membina upaya tenaga kerja tempatan. Jumlah tenaga kerja warga asing perlulah dihadkan

kepada kategori tertentu dan bagi tempoh tertentu sahaja. Secara khususnya;

- a. Secara umumnya kesemua jawatan dibawah kategori pekerjaan separuh mahir perlulah diambil daripada warga tempatan. Sekiranya wujud keperluan bagi warga asing, maka jumlah maksimum bagi pekerja asing perlulah dimaklumkan secara jelas kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- vi) Memastikan apa-apa penemuan mineral dan apa jua objek berharga di tapak projek dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- vii) Menjelaskan bayaran khusus yang terhak kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan merangkumi bayaran proses / fee dan sebagainya.
- viii) Memberikan kerjasama kepada Urusetia Pelaburan bagi mendapatkan maklumat dan perkembangan semasa Syarikat dari masa ke masa.

BAB 7

INSENTIF PELABURAN

18. Unit Perancang Ekonomi Negeri akan memberikan sokongan kepada Pelabur yang layak dan memenuhi syarat-syarat bagi memohon mana-mana insentif yang ditawarkan (senarai Insentif di **Lampiran 2**) sama ada oleh:
 - i) Mana-mana agensi di bawah Kerajaan Persekutuan Malaysia
 - ii) Mana-mana agensi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan
 - iii) Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kelantan
19. Kerajaan Negeri juga di dalam kes tertentu boleh memberi pertimbangan / insentif khas kepada kepada projek-projek di bawah sektor yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan sebagaimana **Lampiran 3**.

BAB 8

PROSES PENYELESAIAN MASALAH & RUNDINGAN

20. Sekiranya berlaku sebarang isu yang melibatkan kepentingan Pelabur di Negeri Kelantan, aduan pertama atau rundingan awal boleh diajukan kepada Invest Kelantan Berhad.
21. Setiap isu akan diberi maklumbalas awal di dalam tempoh 7 hari dan sebarang penyelesaian seterusnya akan dimaklumkan secara terperinci kepada Pelabur sekiranya melibatkan keperluan penglibatan Jabatan / Agensi lain yang berkaitan.
22. Sekiranya terdapat isu yang memerlukan tempoh penyelesaian yang tertentu, maka Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan memaklumkan secara rasmi kepada Pelabur jangkaan tempoh penyelesaian dan proses yang akan terlibat bagi penyelesaian isu berkenaan.
23. Sekiranya berlaku keadaan di mana sesuatu tidak dapat diselesaikan oleh pihak-pihak terlibat maka isu berkenaan boleh dirujuk kepada Badan Timbang Tara / Arbitrasi sebelum sebarang tindakan perundangan seterusnya diambil.


Alamat Untuk Dihubungi :

Invest Kelantan Berhad
Tingkat 3, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
Jalan Kuala Krai, 15050
Kota Bharu, Kelantan
Telefon : 09 – 747 4803
Emel : investkel@pmbk.gov.my

Urusetia Pelaburan Negeri
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan
Blok 6, Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu

Telefon : 09-748 4259
Fax : 09-744 3411

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN PROJEK PELABURAN



LAMPIRAN 2

SENARAI INSENTIF UNTUK PELABUR MENGIKUT AGENSI

| Bil | Peringkat | Agensi | Jenis Insentif |
|-----|-------------|--|--|
| 1 | Persekutuan | Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) | <ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian Cukai Pendapatan – Sehingga 5 tahun. • Pengecualian duti setem bagi pembangunan tapak pelancongan, pertanian dan tapak industri • Pengecualian duti import dan cukai jualan bagi pembelian peralatan khusus yang tiada di dalam pasaran tempatan. |
| | | Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) | <ul style="list-style-type: none"> • Insentif tertentu mengikut sektor. • Pemberian taraf perintis bagi mendapatkan pengecualian cukai pendapatan tertentu. • Rujuk MIDA. |
| 2 | Negeri | Kerajaan Negeri Kelantan | <ul style="list-style-type: none"> • Skim bayaran premium tanah perindustrian yang fleksibel. • Tempoh pajakan tanah yang kompetitif |
| 3 | Agensi | Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan | <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh bayaran premium tanah perindustrian daripada 8 – 10 tahun. • Menyediakan kawasan perindustrian dan bangunan kilang yang siap bina untuk diberi sewa. |

| | | | |
|--|--|-------------------------|---|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • Diskaun 40% ke atas harga tanah untuk kilang yang menggunakan lebih daripada 500 orang pekerja dengan bayaran dalam tempoh 10 tahun. • Diskaun 30% keatas bayaran premium tanah untuk tapak kilang yang keluasannya melebihi 8000m2 dan 40% bagi 8000m2 yang berikutnya. |
| | | Pihak Berkuasa Tempatan | <ul style="list-style-type: none"> • Rujuk Bahagian Kerajaan Tempatan - Potongan bagi cukai pintu / lesen perniagaan. |

**SENARAI SEKTOR / BIDANG PEMBANGUNAN YANG MERUPAKAN
KEUTAMAAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

| BIL | SEKTOR / BIDANG |
|------------|---|
| 1 | PEMBANGUNAN PUSAT PERTUMBUHAN EKONOMI BARU BARU SEPERTI : <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Bandar Perindustrian Tok Bali • Taman Perindustrian Sungai Bagan • Kawasan Perindustrian Sungai Terah. |
| 2 | PEMBANGUNAN FASILITI SUB SEKTOR PELANCONGAN, PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN DI BAWAH SEKTOR PERKHIDMATAN. <ul style="list-style-type: none"> • Khususnya di dalam menjenamakan Kelantan sebagai hab pelancongan agama |
| 3 | PENEROKAAN BIDANG BIO-EKONOMI DAN PENINGKATAN NILAI HASIL KOMODITI |
| 4 | PROJEK PERTANIAN KOMERSIL BERIMPAK TINGGI |
| 5 | AKTIVITI PELABURAN DI DALAM BIDANG HALAL |
| 6 | PENGEMBANGAN INDUSTRI PENTERNAKAN RUMINAN |